

Media Title	: Harian Metro
Headline	: RM167,525 lesap selepas mangsa didakwa tuntut insurans RM68,000
Date	: 28 March 2023
Section	: Lokal
Page	: 8



**Kuala Terengganu:** Seorang pembantu tadika menanggung kerugian sebanyak RM167,525 selepas dipercayai terperdaya dengan sindiket Macau Scam di daerah ini.

Kejadian dipercayai bermula pada Januari lalu apabila mangsa berusia 56 tahun menerima panggilan daripada individu tidak dikenali yang memperkenalkan diri sebagai pihak insurans.

Ketua Polis Daerah Kuala Terengganu Asisten Komisioner Abdul Rahim Md Din berkata, suspek memaklumkan mangsa pernah membuat tuntutan insurans sebanyak RM68,000 kerana masuk ke sebuah wad namun mangsa menafikan perkara berkenaan.

Beliau berkata, mangsa kemudiannya dihubungi anggota polis yang mengaku dari Selangor sebelum dimaklumkan terbahit dalam pengubahan wang haram dan rasuah.

"Panggilan mangsa kemudian disambungkan ke-

## RM167,525 lesap selepas mangsa didakwa tuntut insurans RM68,000

pada ketua polis balai yang bertindak bertanya beberapa maklumat peribadi sebelum dia sekali lagi menerima panggilan daripada pihak pendakwa raya.

"Mangsa diminta memindahkan semua wang ke dalam satu akaun miliknya, manakala nombor pinnya juga diberikan pihak suspek sambil memaklumkan wang milik mangsa akan dijaga pihak Bank Negara.

"Suspek juga mengarahkan mangsa memadamkan setiap transaksi panggilan berkenaan dan mangsa memaklumkan memindahkan semua wangnya ke dalam satu akaunnya seperti diarahkan," katanya ketika dihubungi di sini, semalam.

Abdul Rahim berkata, mangsa hanya menyedari ditipu selepas menceritakan kejadian berkenaan kepada

anak saudaranya ketika dia mahu meminjam wang bagi menyelesaikan masalah dihadapinya.

Katanya, pemeriksaan mendapati wang mangsa dipindahkan secara berperingkat ke akaun tidak dikenali dalam tempoh bermula 26 Januari hingga 9 Mac lalu membabitkan kerugian sebanyak RM167,525.

"Mangsa membuat laporan polis pada 19 Mac lalu untuk tindakan lanjut dengan kes disiasat mengikut Seksyen 420 Kanun Kesejahteraan," katanya.

Abdul Rahim turut meninggatkan masyarakat supaya berhati-hati dan tidak mudah percaya sekiranya menerima panggilan telefon daripada individu yang mengaku daripada mana-mana agensi kerajaan atau bank.